

07 SEP 1999

MAHATHIR-EAEC

EAEC BOLEH BANTU NEGARA-NEGARA ASIA

BANDAR JENGKA, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), yang dicadangkan pembedukannya oleh Malaysia, lebih bersedia menubuhkan Tabung Kewangan Asia yang dicadangkan bagi membantu negara-negara Asia mengatasi masalah kewangan.

Beliau berkata EAEC juga lebih sesuai untuk menangani masalah-masalah kewangan yang dihadapi oleh negara-negara Asia.

Bantuan yang sekarang ini ditawarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mempunyai banyak syarat, katanya kepada sidang media pada akhir lawatan dua harinya ke Pahang di sini.

Sebelum ini Dr Mahathir berucap di perhimpunan raksasa seramai 50,000 di sini yang kebanyakannya terdiri dari peneroka Felda dari sekitar Jengka.

Perdana Menteri juga berkata Jepun boleh membantu EAEC dengan memberikan pinjaman atau melabur wangnya secara langsung bagi membantu ekonomi-ekonomi Asia Timur.

"Apabila ia (Jepun) membantu ekonomi-ekonomi Asia Timur, negara-negara Asia Timur akan menjadi pasaran yang lebih baik bagi Jepun dan oleh itu apa yang dilaburkan oleh Jepun di Asia Timur akan membantu Jepun," katanya.

Dr Mahathir mendedahkan beliau tidak akan menghadiri Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Malaysia akan diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menafikan spekulasi bahawa beliau akan memanggil pilihan raya tidak lama lagi, dan berkata beliau akan ke Bangsa-Bangsa Bersatu pada akhir bulan ini.

Selepas New York, beliau akan melawat Afrika Selatan, katanya.

Diminta mengulas seruan supaya Apec bertindak ke atas serangan spekulatif kedua terhadap baht Thailand, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir Apec mampu berbuat apa-apa mengenai situasi matawang. Ia terletak kepada kuasa-kuasa besar, Kumpulan Tujuh. Masa depan kita dalam tangan mereka."

Malaysia telah menyeru kuasa-kuasa besar supaya merangka aturan kewangan baru yang akan mengawal perdagangan matawang.

-- BERNAMA

AFY ROS JR